

27/06/2002

Veteran Umno anggap Pak Lah pengganti tepat

Misiah Taib

KUALA LUMPUR, Rabu - Pemilihan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti tepat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana beliau berpengalaman, jujur dan kuat berpegang kepada agama, demikian pandangan veteran Umno.

Bekas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mustapa Jabar, berkata pilihan Dr Mahathir itu amat kena pada tempatnya kerana Pak Lah sudah lama berjuang dalam Umno.

Katanya, perjuangan Pak Lah bermula dari datuknya, Sheikh Abdullah Fahim, yang juga tokoh agama terulung sebelum diwarisi bapanya, Ahmad Badawi, yang bersama-sama menggerakkan Umno.

"Pak Lah adalah pemimpin yang jujur, setia kepada parti dan berpegang kuat kepada agama. Bagi saya, Pak Lah adalah pilihan yang sangat baik dan saya percaya beliau akan diterima oleh setiap lapisan rakyat.

"Saya mewakili ahli-ahli veteran Umno menyatakan sokongan padu kepada pemilihan Pak Lah sebagai pengganti Dr Mahathir dan akan memberi kerjasama penuh kepada beliau," katanya ketika dihubungi.

Beliau turut menyambut baik formula peralihan kuasa dalam Umno yang diyakini mampu memperkukuhkan lagi perpaduan parti, sekali gus mengelakkan berlaku perebutan kuasa atau perpecahan.

Pengerusi Tetap Wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani, berkata keputusan Dr Mahathir menamakan Pak Lah sebagai pengganti dialu-alukan kerana ia memastikan peralihan kuasa berlaku dengan licin.

Beliau menyifatkan Pak Lah pemimpin politik berpengalaman dan banyak berjasa kepada parti dan negara serta mampu membawa Malaysia ke arah pembangunan lebih pesat.

"Kita memang bersyukur apabila Dr Mahathir bersetuju untuk menanggung peletakan jawatan beliau bagi memastikan proses peralihan kuasa berjalan dengan licin. Tak adalah seperti 'ayam disambar helang'.

"Alhamdulillah, dengan Dr Mahathir sendiri menamakan Pak Lah sebagai pengganti, ia menampakkan kesinambungan peralihan kuasa dalam Umno bagi menjamin parti terus kukuh," katanya.

Aishah mengajak seluruh ahli Umno supaya memberi sokongan padu kepada Pak Lah dan tidak terpengaruh dengan spekulasi serta pelbagai cerita yang cuba disebar oleh pihak tidak bertanggungjawab.

(END)